



Headline: Wanita rugi hampir RM5,000 ditipu sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 15 December 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 12

Wanita rugi hampir RM5,000 ditipu sindiket Macau Scam

MIRI – Seorang wanita di sini kerugian RM4,950 selepas diperdaya satu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai mahkamah dan pegawai polis awal minggu ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah (**gambar**) berkata, mangsa berusia 28 tahun yang bertugas sebagai juruaudit itu pada mulanya menerima panggilan daripada seorang lelaki bernama Tuan Mazlan Rahman yang mendakwa dirinya Pegawai Mahkamah Sesyen Shah Alam.

“Mangsa diberitahu oleh lelaki berkenaan yang dia terlibat dalam kes langgar lari menyebabkan kematian,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, mangsa kemudian telah dihubungi seorang individu

yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Lau Kin Ming melalui nombor telefon 03 8948 6122 memberitahu bahawa dia mempunyai 23 akaun bank atas namanya selain terlibat dengan pelbagai kegiatan haram.

“Selepas itu mangsa telah dihubungi oleh seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Khoo (011 2511 4037) dan lelaki itu telah meminta mangsa untuk memasukkan wang sebanyak RM4,950 bagi tujuan semakan akaun banknya di Bank

Negara,” ujarnya.

Menurutnya, mangsa memindahkan wang berjumlah RM4,950 melalui mesin Mesin Teler Automatik ke satu akaun bank yang telah diberikan lelaki itu. Katanya, selepas transaksi pemindahan wang itu, mangsa tidak lagi dihubungi oleh pihak berkenaan.

